

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**  
minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :

- a) kadar peratusan penembusan rangkaian fiber optik di Johor Bahru; dan
- b) apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan akses rangkaian fiber optik dan internet berkelajuan tinggi di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar penembusan jalurlebar bagi 100 penduduk di Johor adalah sebanyak 135.5% sehingga suku tahun pertama 2020. Ini bersamaan dengan 5,502,200 bilangan langganan di Johor di mana 384,600 langganan bagi jalur lebar dan 5,117,600 langganan bagi jalur lebar mudah alih.
2. Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berusaha dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang menggunakan rangkaian gentian optik di seluruh negara.
3. Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga sedang giat melaksanakan inisiatif penaiktarafan rangkaian berdasarkan tembaga kepada rangkaian gentian optik yang melibatkan sebanyak 377,360 pelanggan sedia ada di seluruh negara. Inisiatif yang dijalankan menerusi Telekom Malaysia Berhad ini dijangka siap menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.
4. Pada masa yang sama, SKMM juga membuat perancangan dengan pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan diseluruh negara menggunakan pelbagai teknologi.